

08/09/1998

PM restui pelantikan: Abu Zahar

MELAKA, Isnin - Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berkata pelantikan beliau sebagai Ketua Menteri pada Jun tahun lalu, adalah selepas dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, katanya, disebabkan Dr Mahathir ketika itu di luar negara, surat pelantikannya diserahkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya ingin menegaskan pelantikan saya adalah dengan restu Perdana Menteri walaupun surat pelantikan diserahkan oleh Anwar," katanya kepada pemberita selepas mengadakan taklimat khas mengenai isu Anwar kepada semua ahli Badan Perhubungan Umno negeri, termasuk wakil rakyat Umno di Auditorium Al-Azim di sini, hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata demikian sewaktu ditanya mengenai pendiriannya terhadap Anwar selepas dipecat daripada jemaah menteri dan ahli Umno minggu lalu.

Menurut Abu Zahar, beliau percaya pelucutan jawatan Anwar tidak menyebabkan keretakan di kalangan pemimpin dan ahli Umno di negeri ini kerana beliau yakin ahli Umno sudah matang dan mampu menerima berita itu dengan terbuka.

Katanya, Badan Perhubungan Umno negeri menyokong penuh tindakan Dr Mahathir berhubung pelucutan jawatan Anwar daripada jemaah menteri dan pemecatan keanggotaan parti oleh Majlis Tertinggi (MT).

Beliau berkata, kemelut utama yang dihadapi membabitkan soal perilaku moral terhadap Anwar dan masalah itu perlu ditangani dengan bijak dan halus.

"Kami yakin Presiden parti tidak mempunyai pilihan lain kecuali mengambil tindakan drastik bagi membersihkan dan menyelamatkan parti.

"Sehubungan itu, Badan Perhubungan Umno negeri menyeru Anwar supaya bertenang, tidak beremosi dan tidak sama sekali melakukan tindakan yang mendatangkan aspirasi perjuangan yang didukungnya selama ini," katanya.

Menurut Abu Zahar, Umno negeri akan mengadakan sesi penerangan kepada pemimpin Umno di peringkat akar umbi bagi memberikan penjelasan yang adil kepada mereka.

(END)